UUM Universiti Utara Malaysia
NEWS HIGHLIGHT
New Straits Times | Utusan Malaysia | Kosmo! | BH | Sinar | Star | Metro
Kategori
Rencana | Komentar | Lain-lain (Nyatakan):
Forum | Minda Pembaca
Tarikh: 7/11/26 Muka surat: 12
UUM/AA88/BH/07.11.2026/P:12(1-3)

Pelaburan baharu Google pacu ekonomi digital negara

- Daripada perspektif tadbir urus, kestabilan politik, kesinambungan dasar dan kecekapan pelaksanaan menjadi prasyarat bagi projek berjangka panjang

- Keputusan Google memilih Malaysia memberikan isyarat positif terhadap hala tuju ekonomi dan dasar pembangunan diterajui Perdana Menteri



Oleh Dr Hapini Awang
bhrencana@bh.com.my

Felo Penyelidik, Institut Peluang Digital Pintar dan Maju (IASDO), Pusat Pengajian Pengkomputeran (SoC), Universiti Utara Malaysia

Pengumuman Google pada Rabu lalu untuk melabur AS$15 bilion, bersamaan kira-kira RM61.1 bilion di Malaysia sepanjang 2027 hingga 2028 adalah langkah peralihan ekonomi kepada infrastruktur digital dan kecerdasan buatan (AI).

Pelaburan ini bukan sekadar pembinaan pusat data, sebaliknya merangkumi tenaga bersih, keselamatan bekalan air dan pembangunan kemahiran.

Menurut pengumuman pada program Mantap Malaysia Bersama AI di Universiti Malaya (UM), rancangan itu membabitkan peluasan kampus pusat data di Selangor dan Negeri Sembilan.

Kampus pertamanya di Elmina Business Park sudah beroperasi manakala kapasiti baharu dijangka menyokong pembangunan perkhidmatan Google Cloud dan aplikasi AI tempatan.

Infrastruktur ini penting kerana penyimpanan, pemprosesan dan penghantaran data berkelajuan tinggi kini menjadi asas kepada perbankan, pendidikan, perdagangan serta perkhidmatan kerajaan.

Dari segi ekonomi, Google mengunjurkan sumbangan purata AS$1.1 bilion setahun kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sepanjang fasa pembinaan di samping menyokong lebih 37,000 pekerjaan tempatan setahun.

Selepas kemudahan ini beroperasi, lebih 9,000 pekerjaan tempatan dijangka disokong berterusan, dengan purata upah 45 peratus melebihi median nasional.

Dalam ucapan pada majlis berkenaan, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan tiga ukuran pelaburan berkualiti, iaitu keupayaan industri tempatan, pembangunan modal insan dan pengurusan sumber secara beretika.

Pendekatan ini mengalihkan penilaian dasar daripada sekadar nilai modal diumumkan kepada manfaat nyata dalam struktur ekonomi. Ia juga menuntut koordinasi berkesan antara kerajaan Persekutuan, negeri, institusi pendidikan, syarikat utiliti dan pelabur.

Daripada perspektif tadbir urus, kestabilan politik, kesinambungan dasar dan kecekapan pelaksanaan menjadi prasyarat bagi projek berjangka panjang.

Kesan limpahan

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) merekodkan RM385.7 bilion pelaburan berkaitan pusat data sepanjang 2021 hingga separuh pertama 2026, dengan Pasukan Petugas Pusat Data menyelaras urusan pelaburan.

Keutamaan seterusnya memperkukuhkan kesan limpahan domestik. Google memaklumkan kerjasama dengan lebih 80 entiti Malaysia dalam pembinaan, kejuruteraan, sistem kuasa, penyejukan, logistik dan perkhidmatan sokongan.

Ini membuka peluang perusahaan tempatan meningkatkan keupayaan teknikal serta memasuki rantaian bekalan global.

Komitmen melatih 800,000 rakyat Malaysia menjelang 2031 turut memperlihatkan dimensi sosial pelaburan. Program Experience AI Malaysia menyasarkan pendidikan sekolah, Jelajah AI MSME membantu usahawan mikro, AKAD Rakyat meningkatkan keupayaan pihak berkuasa tempatan, manakala Data Center Institutes di politeknik menawarkan latihan teknikal selama sepuluh minggu.

Kelestarian juga penting. Google merancang menambah lebih satu gigawatt kapasiti tenaga bersih kepada Grid Nasional melalui kerjasama dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) selain menanggung kos elektrik operasi serta sambungan gridnya.

Di Negeri Sembilan, syarikat itu menyediakan pembiayaan AS$160 juta bagi takungan air luar sungai dan loji rawatan berkapasiti 65 juta liter sehari akan diserahkan kepada kerajaan negeri setelah siap. Projek ini berpotensi memperkukuh daya tahan bekalan air awam sambil menyokong operasi pusat data.

Namun begitu, pengumuman pelaburan tidak menghapuskan risiko alam sekitar. Agensi Tenaga Antarabangsa mengunjurkan penggunaan elektrik pusat data di Asia Tenggara meningkat lebih dua kali ganda menjelang 2030.

Kerajaan perlu menetapkan piawaian penggunaan tenaga dan air telus, penilaian impak alam sekitar serta pelaporan berkala. Kos terhadap jaringan elektrik, kawasan tadahan dan komuniti setempat mesti dipantau supaya pembangunan digital tidak memindahkan beban kepada pengguna domestik.

Dalam landskap serantau, Malaysia sedang bersaing dan saling melengkapi dengan Singapura, Indonesia, Thailand dan Vietnam untuk menarik pelaburan awan serta AI.

Menurut Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD), ASEAN menerima AS$243.9 bilion pelaburan langsung asing pada 2025 sementara Malaysia menerima kira-kira AS$15.4 bilion.

Data ini menggambarkan persaingan modal semakin sengit, bukan bukti semua negara memperoleh nilai tambah digital setara. Singapura menekankan kecekapan dan piawaian pusat data hijau, sedangkan negara jiran lain memperluas insentif serta kawasan perindustrian digital.

Peluang Malaysia juga perlu ditafsirkan dalam kerangka integrasi ASEAN. Rundingan Perjanjian Rangka Kerja Ekonomi Digital ASEAN (DEFA) diselesaikan pada Mei lalu dengan potensi ekonomi digital serantau mencecah AS$2 trilion menjelang 2030 sekiranya dilaksanakan dengan berkesan.

Kapasiti pengkomputeran tempatan boleh memperkukuh penyertaan Malaysia dalam perdagangan digital rentas sempadan, tetapi manfaat ini bergantung pada keselamatan siber, aliran data dipercayai, perlindungan maklumat dan kebolehoperasian peraturan serantau.

Walaupun begitu, pergantungan berlebihan kepada penyedia teknologi asing menimbulkan persoalan mengenai kedaulatan data dan keupayaan inovasi negara.

Bina ekosistem

Maka, kerajaan perlu membina ekosistem syarikat AI tempatan, memperkukuh peraturan perlindungan data serta menggalakkan penyelidikan universiti bersama industri.

Insentif pelaburan pula wajar dikaitkan dengan petunjuk prestasi jelas, termasuk pekerjaan berkemahiran tinggi, pemerolehan teknologi, kecekapan tenaga dan manfaat kepada masyarakat sekitar.

Dalam persaingan sengit antara negara Asia untuk menarik pelaburan teknologi tinggi, keputusan Google memilih Malaysia memberikan isyarat positif terhadap hala tuju ekonomi dan dasar pembangunan diterajui Perdana Menteri.

Lebih penting, penekanan beliau terhadap pembangunan bakat tempatan, pekerjaan berpendapatan tinggi dan kelestarian alam sekitar memperlihatkan usaha menterjemahkan prinsip Ekonomi MADANI kepada manfaat nyata untuk rakyat.

Sekiranya komitmen pelaburan ini direalisasikan dengan berkesan, Malaysia berpotensi muncul sebagai antara hab ekonomi digital dan AI yang penting di Asia, sekali gus menjadi pencapaian signifikan dalam agenda transformasi ekonomi.

Inilah makna sebenar kepemimpinan pembangunan berpandangan jauh, apabila keyakinan pelabur dunia bukan sahaja memperkukuhkan kedudukan Malaysia di persada antarabangsa, tetapi turut membuka ruang kemakmuran lebih inklusif dan mampan untuk seluruh rakyat.

